

## Antena Tatasusun Pantulan Boleh Konfigurasi Semula: Latar Belakang, Klasifikasi dan Mekanisme Boleh Konfigurasi (Reconfigurable Reflectarray Antenna: Background, Classification and Configurable Mechanisms)

Siti Fatimah binti Harun<sup>a</sup>, Mohd Fais bin Mansor<sup>a,b\*</sup> & Norbahiah binti Misran<sup>a,b</sup>

<sup>a</sup>*Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik, & Sistem (JKEES),*

<sup>b</sup>*Pusat Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi Terkehadapan (PAKET)*

*Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*

*\*Corresponding author: m.mansor@ukm.edu.my*

*Received 1 July 2023, Received in revised form 2 August 2023*  
*Accepted 1 September 2023, Available online 30 September 2023*

### ABSTRAK

*Antena tatasusun pantulan ialah antara calon antena terbaik untuk digunakan dalam stesen pangkalan rangkaian 5G kerana keupayaannya untuk menggabungkan kelebihan antena parabola dan antena tatasusunan sesfasa. Antena ini bukan sahaja mempunyai struktur yang ringkas dan ringan, tetapi ia juga berkemampuan untuk mencapai gandaan yang tinggi dan kehilangan balikan yang rendah. Kriteria ini penting untuk menghasilkan isyarat yang mempunyai kependaman yang rendah dan kualiti yang baik, dimana ianya merupakan ciri penting untuk aplikasi 5G. Antena tatasusun pantulan ini juga boleh dikonfigurasi semula arah alurnya dengan menggunakan teknologi mekanikal, elektronik, bahan boleh ubah mahupun optik. Keupayaan antena untuk dikonfigurasi semula akan memudahkan sistem dan mengurangkan kos bagi sistem antena berbilang, sekaligus menjadikan aplikasi 5G lebih praktikal dan sistematik. Ianya juga menyumbang kepada aplikasi satelit sebagai keperluan membetulkan arah alur isyarat antena yang berubah jika terdapat pergerakan satelit berlaku di ruang angkasa. Kertas kajian ini dimulakan dengan perbincangan perkembangan sejarah inovasi antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula bagi setiap mekanisme boleh konfigurasi. Ianya kemudian diikuti dengan kajian klasifikasi konfigurasi yang digunakan oleh antena ini seperti konfigurasi frekuensi, corak radiasi, polarisasi dan hibrid (iaitu gabungan daripada beberapa klasifikasi konfigurasi yang ada) dan diakhiri dengan perbincangan penyelidikan dan inovasi terkini mekanisme boleh konfigurasi antena tatasusun pantulan.*

*Kata kunci: Antena tatasusun pantulan, boleh konfigurasi semula; rangkaian 5G; julat fasa*

### ABSTRACT

*Reflectarray antennas have emerged as one of the most suitable choice for 5G network base station antennas due to their ability to combine the advantages of parabolic reflectors and phased array antennas. These antennas offer a lightweight structure, high gain, and low impedance mismatch losses. High gain and low loss are crucial factors in ensuring the antenna delivers low latency and high-quality 5G radio signals. The application of 5G technology becomes more practical and efficient with the capability to adjust the functionality of a single 5G antenna or enable reconfiguration. This reconfigurable technique simplifies the multi-antenna systems and significantly reduces costs, making it more practical and systematic. Furthermore, this reconfigurability is particularly beneficial for satellite applications, as it allows for the reconfiguration of the signal in the event of satellite movement on the space. This paper aims to discuss the historical development of reconfigurable reflectarray antennas, focusing on the innovations in each configurable mechanism. The paper further explores the classification of configurations employed by this antenna, encompassing frequency configuration, radiation pattern, polarization, and hybrid configurations that integrate multiple existing configuration classifications. Finally, the research paper provides a discussion of the most recent research and innovations in the configurable mechanisms of reflectarray antennas.*

*Keywords: Reflectarray antenna, reconfigurable, 5G network; phase range*

## PENGENALAN

Kemajuan teknologi rangkaian 5G telah merevolusikan sistem telekomunikasi, memberikan manfaat daripada segi kapasiti, kependaman, pemprosesan dan kebolehskalaan. Teknologi ini juga telah memangkin pembangunan bandar pintar, kilang pintar, dan perkhidmatan kesihatan elektronik, khususnya di kawasan bandar. Faktor penting dalam aplikasi mesin kritikal, seperti pembedahan jarak jauh, alat kawalan jauh peralatan pembinaan dan kereta autonomi, adalah kependaman yang rendah kurang dari 1 ms serta mempunyai operasi masa yang nyata. Selain manfaatnya untuk telekomunikasi dan peranti, teknologi 5G juga praktikal di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, kerana ia boleh menyokong sehingga satu juta sambungan peranti bagi setiap kilometer persegi (Tiwari 2022). Selain itu, teknologi 5G juga boleh menyokong infrastruktur seperti pemeteran pintar, sistem tenaga, keselamatan dan sensor yang mengesan kegagalan infrastruktur. Pengoptimuman kemudahan ini boleh membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kecekapan dan keberkesanan keseluruhan sistem infrastuktur. Kelebihan teknologi 5G mempunyai kapasiti data yang besar membolehkan penyimpanan selamat bagi sejumlah besar data, serta membuka peluang untuk menjana pendapatan, mengatur serta menganalisis ancaman data. (Shortsleeve et al. 2022).

Antena tatasusun pantulan dianggap sesuai untuk aplikasi 5G kerana mempunyai ciri-ciri gandaan yang tinggi dan kehilangan balikan yang rendah (Huang dan Encinar 2008). Selain itu, permukaannya yang ringan dan rata menjadikannya mudah untuk difabrikasi, terutamanya untuk aplikasi mikrogelombang (Bialkowski 2007). Konsep utama antena tatasusun pantulan adalah untuk memastikan setiap elemen mempunyai pampasan fasa tersendiri, yang akhirnya membentuk pantulan sefasa yang menghala ke arah yang dikehendaki.


Antena ini juga boleh mempunyai kelebihan untuk dikonfigurasi semula arah alur lantas dapat memenuhi

keperluan komunikasi yang pelbagai dengan lebih berkesan (Christodoulou et al. 2012). Walaupun teknologi tatasusunan sefasa direka untuk memenuhi keperluan ini, strukturnya yang kompleks kerana kehadiran penganjak fasa dan bas data pada setiap elemen, membawa kepada kos yang tinggi. Antena parabola pula hanya boleh dikonfigurasi semula melalui pergerakan mekanikal yang kemudiannya juga tidak praktikal dan ekonomik (Hum dan Perruisseau-Carrier 2014).


Oleh itu, teknologi yang boleh digunakan untuk mendapatkan perubahan arah alur pada antena tatasusun pantulan ini telah diterokai. Terdapat beberapa teknologi yang boleh digunakan untuk mendapatkan perubahan arah alur seperti pergerakan secara mekanikal, menggunakan komponen elektronik, bahan boleh ubah ataupun teknologi optik (Hum dan Perruisseau-Carrier 2014). Selain daripada mengubah arah alur, perubahan pada frekuensi dan polarisasi juga adalah antara jenis konfigurasi yang boleh digunakan oleh antena tatasusun pantulan ini (Costantine 2010). Kajian berkenaan antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula ini akan dimulakan dengan sejarah dan latar belakang, diikuti dengan jenis konfigurasi dan diakhiri dengan teknologi-teknologi yang membolehkan konfigurasi semula antena ini berlaku.

## SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

Idea antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula pada mulanya diperkenalkan oleh Salmon 1974 yang telah menginovasi konsep antena tatasusun pantulan asal dengan menambah keupayaan antena untuk mengubah arah alur (Huang dan Encinar 2008). Inovasi itu dilakukan dengan mencantum penganjak fasa pada rod antena untuk mencapai *multifunction air-borne* radar pada jalur-X. Elemen penganjak yang digunakan iaitu pin diod dimuatkan di dalam rod seperti Rajah 1. Kemudian, elemen-elemen ini diletakkan di atas satah bumi seperti Rajah 2. Peralihan fasa yang diperlukan dicapai dengan menghidupkan dan mematikan diod sekaligus mengawal penghantaran voltan di dalam elemen (Carrasco et al. 2012).



RAJAH 1. Rajah skematik Tatasusunan Elektronik Diod Bersepadu (IDEA)(Hum dan Perruisseau-Carrier 2014)



RAJAH 2. Susunan antenna tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula dengan 400 elemen.(Hum dan Perruisseau-Carrier 2014)

Evolusi itu diteruskan oleh Phelan, 1977 apabila beliau memperkenalkan konsep baru yang dipanggil *spiralphase*. Diod masih lagi digunakan sebagai teknik pensuisan dan

komponen ini telah menggunakan lingkaran empat lengan atau elemen rod bersilang untuk mendapatkan perubahan polarisasi elemen seperti dalam Rajah 3.




RAJAH 3. Spiralphase yang mempunyai rekabentuk lingkaran empat lengan atau elemen rod bersilang bersama diod (Bialkowski 2007)

Diod-diod ini akan dihidupkan dan dimatikan untuk memastikan polarisasi elektromagnet berputar mengikut paksi lingkaran yang dikehendaki. Konsep unik ini bagaimanapun membawa kepada saiz yang besar yang mengurangkan kecekapan antenna selain menghasilkan parutan lobus (Huang dan Encinar 2008).

Pada tahun 1977, elemen tatasusun pantulan pada jalur mikro diperkenalkan oleh Malagisi (1977) dengan aplikasi konsep boleh dikonfigurasi semula. Analisis dilakukan dengan memuatkan diod bersama cakera lilitan antara lapisan konduktor jalur mikro dan substrat dielektrik. Hasilnya menunjukkan fasa polarisasi gelombang boleh

dikawal dengan kehilangan yang tinggi dan lebar jalur yang sempit. Seiring kemajuan teknologi, terdapat banyak teknik yang telah dicipta bagi memperbaiki kelemahan ini seperti menambah lapisan elemen (Chen et al. 1990), meningkatkan ketebalan elektrik (Chang et al. 1986), teknik padanan impedans (Hugo F. Pues 1989), dan lain-lain.

Pada tahun 2001, Luigi Boccia pula menemui pendekatan baharu untuk mengaplikasi konsep boleh konfigurasi semula dengan menggunakan varaktor. Semudah memuatkan varaktor pada konduktor elemen seperti dalam Rajah 4 ianya dilihat dapat meringkaskan stuktur elemen dan menjadikannya lebih ekonomik.



RAJAH 4. Elemen dimuatkan dengan varaktor (Boccia et al. 2001)


Dua tahun kemudian, Herve Legay (2003) memperkenalkan MEMS dalam bidang penyelidikan ini yang menyumbang kepada pengurangan kehilangan dan penggunaan kuasa yang rendah. Prototaip pertama yang dicadangkan ialah 2.5 bit elemen berbentuk elips yang didapati boleh menganjak fasa sehingga hampir  $180^\circ$ . Walaubagaimanapun, tempoh perubahan fasa menjadi kelemahan untuk teknik ini kerana ia lebih panjang daripada diod atau FET.

Malagisi sekali lagi pada tahun 1978 telah mengutarakan idea tetapi kali ini secara mekanikal pula iaitu putaran elemen untuk mendapatkan anjakan fasa (Huang dan Encinar 2008). Selepas inovasi ini, terdapat banyak idea pergerakan mekanikal lain muncul seperti memutar atau mencondongkan elemen (Yang et al. 2017; Phillion dan Okoniewski 2008), memutar satah antena (Fusco 2005), menggerakkan antena hon (Mohammadirad dan Komjani 2011) mahupun gabungan antara kaedah-kaedah ini. (Yang et al. 2018). Pada tahun 2005, rekabentuk antena dengan satah yang boleh berputar telah diperkenalkan dengan


kemampuan mencapai julat fasa  $360^\circ$  (Fusco 2005). Kajian ini mengesahkan bahawa kaedah ini mampu mencapai perubahan fasa secara linear dengan orientasi pantulan isyarat polarisasi bulatan.

Idea memutar elemen menggunakan mikromotor sebagai pemacu sisi pula dibentangkan pada tahun 2008 oleh Phillion dan Okoniewski. Anjakan fasa sehingga  $360^\circ$  telah dicapai dengan rekod kehilangan yang rendah tetapi ia membuatkan struktur antena menjadi besar dan rumit (Yang et al. 2017).

Menggerakkan antena hon juga antara inovasi yang telah dicipta dan ia sebenarnya memudahkan konfigurasi antena secara mekanikal. Kajian menggunakan kaedah ini diperkenalkan oleh M. Mohammadirad et al. (2011) dengan memvariasi jarak diantara antena hon dengan antena tatasusun pantulan lantas mendapatkan perubahan frekuensi dan lebar jalur. Rajah 5 menunjukkan contoh gambar-gambar antena tatasusun boleh konfigurasi semula dengan menggunakan teknologi mekanikal.



RAJAH 5. Contoh antena tatasusun pantulan antena menggunakan teknologi mekanikal: (a) Mikromotor (Yang et al. 2017) (b) Putaran antena (Wu et al. 2020)(c) Condongan antena (Abbasi et al. 2019) (d) Pergerakan antena hon (Nayeri et al. 2013)



RAJAH 6. Contoh antenna tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula integrasi bahan boleh ubah: (a) Hablur cecair (Bildik et al. 2011)(b) Feroelektrik (Romanofsky et al. 2009)(c) Graphene (Sun et al. 2019)(d) Elektrokromik (Senad 2020)

Pada abad ke-21, penyelidikan tentang keupayaan sifat anisotropik bahan boleh ubah sebagai penganjak fasa semakin menjadi perhatian. Lapisan filem nipis Ferroelectrics  $Ba_xSr_{1-x}TiO_3$  (BST) telah dipilih oleh Miranda et al. (2001) untuk menguji kebolehan bahan boleh ubah ini apabila berintegrasi dengan antenna tatasusun pantulan. Voltan yang diberikan adalah sehingga 400V dan anjakan fasa yang dicatatkan dalam lingkungan  $57^\circ$ - $158^\circ$  mengikut jenis komposisi filem nipis BST yang digunakan.

Integrasi bahan boleh ubah hablur cecair terhadap antenna juga telah divalidasi kajiannya oleh Moessinger et al. (2005). Anjakan fasa sebanyak  $300^\circ$  direkodkan apabila voltan diberikan sebanyak 0-20V. Ismail dan Cahill (2005) mencadangkan kaedah mengurangkan ketebalan substrat dan nilai tangen untuk mengatasi masalah kehilangan balikan yang tinggi akibat daripada penggunaan bahan ini.

Pada tahun 2013, bahan Graphene pula diperkenalkan untuk diintegrasikan dengan antenna tatasusun pantulan oleh Eduardo Carrasso et al. Bahan ini mempunyai kekuatan jauh lebih baik dari keluli, bersifat ringan dan nipis, konduktor yang efektif dan hampir lutsinar. Sesuai untuk

aplikasi frekuensi tinggi, graphene membenarkan perambatan gelombang perlahan plasmonik pada aliran elektrik apabila diintegrasikan dengan antenna tatasusun pantulan. Peralihan fasa sebanyak  $300^\circ$  dilaporkan di dalam dengan kelebihan saiz yang kecil, kehilangan balikan rendah dan jalur yang lebar (Eduardo Carrasso 2013).

Bahan boleh ubah yang paling terbaru dikaji sebagai penganjak fasa antenna tatasusun pantulan ialah bahan elektrokromik. Senad Bulja et al. (2018) telah menyatakan bahawa bahan ini mempunyai ciri unik yang boleh mengubah warna dan kelegapan apabila dibekalkan voltan sekaligus mengubah nilai kebertelusan bahan. Rajah 6 menunjukkan beberapa contoh antenna tatasusun pantulan boleh ubah yang menggunakan bahan boleh ubah sebagai penganjak fasa.

Teknologi optik juga muncul sebagai alternatif penganjak fasa apabila Mohammad Reza Chahamir et al. (2006), telah memperkenalkan teknologi ini. Kaedah mengimbas arah alur dilakukan dengan menukar corak plasma di dalam silikon. Nilai gandaan dan lebar jalur diukur apabila sumber cahaya optik diberikan. Rajah 7 menunjukkan contoh antenna tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula dengan menggunakan teknologi optik.



RAJAH 7. Contoh prototaip antenna tatasusun pantulan dengan menggunakan teknologi optik (Peter Alizadeh et al. 2016)

Sehingga hari ini, terdapat banyak inovasi untuk membolehkan antena tatasusun pantulan boleh dikonfigurasi semula sama ada menggunakan komponen elektronik,

mekanikal, bahan boleh ubah dan juga teknologi optik. Jadual 1 menunjukkan ringkasan sejarah dan latar belakang penyelidikan teknologi antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula berdasarkan jenis teknologi yang ada.

JADUAL 1. Latar belakang penyelidikan antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi

Teknologi	Komponen Penganjak Fasa	Tahun	Penulis
Komponen elektronik	Diod	1960	Berry et al.
	Varaktor	2001	Luigi Boccia et al.
	MEMS	2003	Hervey Legay et al.
Mekanikal	Elemen	1978	Malagisi et al.
	Satah Antena Tatasusun Pantulan	2005	Fusco et al.
	Antena suapan	2011	M. Mohammadirad et al.
Bahan boleh ubah	Feroelektrik	2001	A. Miranda et al.
	Hablur cecair	2005	A. Moessinger et al.
	Graphene	2013	Eduardo Carrasso et al.
Optik	Elektrokromik	2018	Senad Bulja et al.
	Suiz Konduksi Foto	2006	Mohammad Reza Chahamir et al.

#### KLASIFIKASI KONFIGURASI ANTENA TATASUSUN PANTULAN

Perubahan taburan arus permukaan elemen pemantul antena akan menghasilkan anjakan fasa sekaligus mengubah parameter kajian yang menjadi objektif antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula dicipta (Malagisi 1977). Terdapat beberapa jenis konfigurasi antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula ini iaitu frekuensi, corak radiasi, polarisasi mahupun hibrid (gabungan daripada mana-mana jenis konfigurasi). Ianya boleh terjadi pada nilai-nilai tertentu (diskrit) mahupun perubahan secara berterusan (linear). Bahagian ini akan membincangkan konsep parameter kajian antena ini diikuti dengan contoh aplikasinya.


#### FREKUNSI

Frekuensi adalah parameter yang biasanya akan berubah jika perubahan radiasi pada elemen pemantul berlaku (Rahim et al. 2016; Farahwahida dan Aziz 2019). Ianya

boleh dicapai dengan menggunakan teknologi elektronik, mekanikal dan bahan boleh ubah kepada elemen pemantul pada antenna (Ismail dan Sopian 2009). Perubahan ke atas antena boleh diubah suai dengan memuatkan komponen penganjak fasa ke dalam tampalan atau slot antena. Pengubahsuaian ini membolehkan antena menukar talaan frekuensi operasinya.

Ismail dan Sopian (2009) telah menggunakan beberapa jalur kuprum untuk dimuatkan ke dalam slot dan bertindak sebagai suis. Dengan menukar bilangan jalur kuprum yang dimuatkan, panjang slot dapat divariasikan daripada 3mm kepada 7mm seperti Rajah 8(a). Oleh itu, taburan arus pada elemen pemantul sekaligus frekuensi operasi akan bertukar-tukar.


Rodrigo dan Jofre (2013) pula menggabungkan dua komponen diod dan varaktor di dalam satu slot untuk memaksimumkan kebolehan perubahan frekuensi seperti rajah 8(b). Apabila kedua-dua diod diaktifkan, empat frekuensi operasi berubah diantara 2.33Ghz hingga 3.54Ghz manakala integrasi varaktor di dalam slot itu membolehkan frekuensi diubah secara linear.



RAJAH 8. Contoh rekabentuk antenna tatasusun pantulan boleh ubah frekuensi dengan kaedah perubahan frekuensi: (a) secara diskrit (M Y Ismail dan Sopian 2009) (b) secara linear (Rodrigo dan Jofre 2013)

Inovasi terbaru untuk antenna boleh konfigurasi semula menggunakan parameter frekuensi adalah dengan menukar jumlah frekuensi operasi menggunakan integrasi komponen diod (Dildar et al. 2021). Terdapat 4 diod yang diletakkan

pada elemen pemantul seperti dalam Rajah 9. Diod tersebut kemudiannya dihidupkan dan dimatikan mengikut susunan yang menghasilkan perubahan jumlah frekuensi operasi.




RAJAH 9. Reka bentuk antenna tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula dengan keupayaan menukar jumlah frekuensi operasi (Dildar et al. 2021).

CORAK RADIASI

Konfigurasi corak radiasi pada antenna tatasusun pantulan bermaksud konfigurasi sama ada bentuk corak radiasi, arah alur, atau gandaan (Salmon et al. 1974). Kaedah yang paling popular adalah dengan mengkonfigurasi arah alur utama. Sama seperti konfigurasi nilai frekuensi, konfigurasi arah alur boleh dicapai dengan mengubah nilai taburan arus pada elemen pemantul. Konfigurasi jenis ini boleh mengurangkan kehilangan pantulan, lantas fokus kepada arah yang dikehendaki dan akhirnya menjimatkan tenaga (Dubal dan Chaudhari 2020). Terdapat banyak kaedah yang boleh digunakan untuk konfigurasi corak radiasi antenna

tatasusun pantulan termasuk pergerakan secara mekanikal, mengubahsuai slot ataupun elemen pemantul menggunakan komponen elektronik mahupun bahan boleh ubah (Chang et al. 1986; Nayeri et al. 2015).

Setiap pergerakan termasuk mencondongkan antenna juga boleh menghasilkan konfigurasi arah alur walaupun terhad. Muhammad Inam Abbasi et al. (2019) menghasilkan antenna tatasusun pantulan mmwave yang condong. Elemen direkabentuk sebagai cincin bulatan untuk mendapatkan simetri yang bebas untuk dicondongkan. Condongan boleh dilakukan sehingga 30° dan menyediakan julat konfigurasi alur kira-kira ±60° seperti Rajah 10.




RAJAH 10. Contoh keputusan 3D pengukuran antenna attasusun pantulan yang dicondongkan (Abbasi et al. 2019)

POLARISASI

Antena yang menggunakan konfigurasi jenis polarisasi menunjukkan bahawa perubahan radiasi antenna ini boleh diubah arah polarisasinya sama ada dengan polarisasi linear (*linear polarization, LP*) ataupun polarisasi bulatan (*circular polarization, CP*). Polarisasi linear boleh dibahagikan kepada polarisasi mendatar (*horizontal polarization, HP*) dan polarisasi menegak (*vertical polarization, VP*) manakala polarisasi bulatan (*circular*

*polarization, CP*) pula terdiri daripada polarisasi bulatan tangan kiri (*left-hand circular polarization, LHCP*) dan polarisasi bulatan tangan kanan (*right-hand circular polarization, RHCP*) (Christodoulou et al. 2012). Perubahan polarisasi ini akan dapat mengurangkan kehilangan akibat perambatan berbilang laluan dan meningkatkan kualiti signal yang diterima (Farahwahida dan Aziz 2019). Mekanisme yang boleh digunakan untuk mencapainya adalah dengan mengubah suai struktur permukaan antenna (Malagisi 1977) atau memuatkan reaktans dalam rangkaian suapan (Zhang et al. 2019).



RAJAH 11. Posisi hon penyuap yang diputarkan dan boleh mengubah polarisasi antenna tatasusun pantulan (Dahri et al. 2018):  
 (a) Polarisasi mendatar (b) Polarisasi menegak (c) Polarisasi bulatan tangan kanan (45° melawan arah jam daripada polarisasi mendatar)  
 (d) Polarisasi bulatan tangan kiri (45° melawan arah jam daripada polarisasi menegak)



Sebuah antena tatasusun pantulan dengan menggunakan kaedah memutar antena hon pada pelbagai sudut telah dicipta (Dahri et al. 2018). Antena hon yang telah ditetapkan pada  $0^\circ$  asalnya, telah diputar kepada sudut  $45^\circ$ ,  $90^\circ$  dan  $135^\circ$  lalu polarisasi yang asalnya RHCP bertukar kepada VP, HP dan LHCP. Polarisasi linear diperoleh dengan memutar kedudukan antena hon sebanyak  $90^\circ$  manakala polarisasi bulatan diperoleh dengan memutar antena hon sebanyak  $45^\circ$  melawan arah jam daripada polarisasi linear. Rajah 11 menunjukkan orientasi putaran antena hon yang telah dilakukan.

## HIBRID

Antena boleh konfigurasi semula hibrid bermaksud radiasi antena antena ini boleh mengubah lebih daripada satu jenis konfigurasi sama ada frekuensi, corak radiasi atau polarisasi (Zhang et al. 2019). Konfigurasi hibrid ini biasanya menggunakan komponen elektronik atau teknologi optik dalam mencapai konfigurasi semula (You 2017).

Reka bentuk dwi-frekuensi dan dwi-polarisasi menggunakan dua cincin segi empat sepusat dengan ruang sela dengan kehadiran dua diod varaktor telah diperkenalkan (Tian et al. 2018). Hasilnya menunjukkan pada frekuensi 4.2GHz, arah polarisasi adalah mendatar manakala apabila ia ditukar kepada 6.5GHz, arah polarisasi bertukar kepada menegak. Kedua-dua keadaan juga menyediakan julat peralihan fasa yang hampir serupa iaitu  $300^\circ$ .

## MEKANISME BOLEH KONFIGURASI SEMULA ANTENA TATASUSUN PANTULAN

Terdapat beberapa mekanisme dan teknologi yang boleh digunakan untuk membolehkan fungsi konfigurasi antena tatasusun pantulan. Kesemua mekanisme dan teknologi ini boleh dikelompokkan kepada empat iaitu mekanikal, komponen elektronik, bahan boleh ubah dan optik.


### MEKANIKAL

Antena tatasusun boleh konfigurasi mekanikal boleh dicapai melalui pergerakan antena, elemen ataupun antena hon. Isu utama untuk teknologi ini adalah masa perubahan sudut imbas alur yang agak lambat dan rangkaian suapan yang rumit, tetapi keupayaannya untuk meliputi julat peralihan fasa yang besar dan mengurangkan kehilangan tidak dapat dinafikan (Mirmozafari et al. 2021).

Memutar dan mencondongkan satah antena adalah teknik yang paling biasa digunakan untuk mendapatkan peralihan fasa antena tatasusun pantulan secara mekanikal.

Ianya hanya memerlukan satu mesin penggerak sekaligus dilihat sebagai tidak rumit tetapi kelajuan imbasan alur masih perlu dikompromi (Mirmozafari et al. 2021). Kaedah ini bukan sahaja boleh mengurangkan kehilangan tetapi juga boleh meliputi julat fasa yang besar. Memandangkan putaran sebanyak  $\phi$  akan menghasilkan  $2\phi$ , putaran  $180^\circ$  sudah cukup untuk mendapatkan satu kitaran lengkap anjakan fasa  $360^\circ$  (Yang et al. 2017). Konsep putaran biasanya menyediakan liputan julat fasa sehingga  $360^\circ$ , manakala teknik mencondongkan akan menghadkan liputan julat fasa (Asgharian et al. 2020).

Satu kajian menarik mengenai kaedah pergerakan fizikal ini telah dilakukan oleh Abdul-Sattar Kaddour iaitu antena tatasusunan yang dicipta boleh dilipat mengikut teknik origami Miura-Ori (Kaddour et al. 2020). Tujuan antena ini dicipta boleh dilipat adalah kerana untuk menyediakan antena bersaiz kecil sekali gus memudahkan proses membawa antena ke angkasa. Antena tatasusunan dengan ketebalan 1.615mm ini boleh dilipat lebih kurang sehingga 6 kali lebih kecil dengan pelbagai sudut condong seperti Rajah 12. Saiz fizikal antena akan berkurangan apabila antena dilipat, sekaligus menukar frekuensi operasi antena.




RAJAH 12. Darjah kecondongan lipatan antena dengan kaedah Miura-Ori Origami (Kaddour et al. 2020): (a)  $\theta_m = 30^\circ$ , (b)  $\theta_m = 40^\circ$ , (c)  $\theta_m = 60^\circ$ , (d)  $\theta_m = 85^\circ$

Proses menggerakkan elemen secara mekanikal pula boleh dilakukan dengan menggunakan mikromotor (Yang et al. 2017) atau dengan melaraskan ketinggian elemen pemantul (Yang et al. 2018). Dengan reka bentuk elemen pemantul dua cincin sepusat dengan ruang sela, ianya boleh menyediakan mekanisme fasa yang unik apabila ia digunakan di dalam teknik putaran elemen lalu mendapat peralihan fasa  $360^\circ$  dengan imbasan secara linear serta polarisasi silang dan kehilangan balikan yang rendah. Penulis yang sama juga menggunakan teknik yang berbeza dalam menggerakkan elemen dengan melaraskan ketinggian satah yang berslot secara mekanikal menggunakan *pedestal* dan *shaft*. Keputusan menunjukkan liputan julat fasa yang dicapai ialah  $324^\circ$ . Menggunakan mikromotor pada setiap elemen walaupun akhirnya akan membuatkan struktur menjadi kompleks dan meningkatkan kos.


Satu lagi cara untuk mencapai konfigurasi antena tatasusun pantulan secara mekanikal ialah dengan

menggerakkan antena hon. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan konfigurasi, bahkan mengurangkan kos dan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. Antena hon biasanya digerakkan secara melengkung seperti Rajah 13 kerana ia mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding pergerakan secara lurus (Mirmozafari et al. 2021). Menambah jumlah antena hon di laluan melengkung juga membantu untuk mendapatkan julat fasa yang lebih baik (Nayeri et al. 2013) dan mengurangkan kehilangan gandaan (Gao et al. 2015).

Terdapat juga ciptaan yang menggabungkan pergerakan mekanikal secara serentak. Menzel dan Kessler (2009) sebagai contoh, telah mencadangkan untuk menggunakan dua antena hon (bifokal) dengan pemantul satah boleh condong. Gabungan ini menghasilkan prestasi peralihan fasa pada satah E dan satah H. Idea gabungan lain yang telah dicadangkan ialah gabungan pergerakan antena hon bersama putaran satah antena seperti Rajah 14 dan ia menghasilkan liputan imbasan alur  $\pm 70^\circ$  (Wu et al. 2020).



RAJAH 13. Pergerakan antena hon menggunakan gerakan melengkung (Mirmozafari et al. 2021)



RAJAH 14. Kombinasi putaran antena hon dan satah antena (Wu et al. 2020)

Penciptaan baru bagi pergerakan antena hon telah dicadangkan Li et al. (2021), dengan mengoptimalkan algoritma genetik antena tatasusun pantulan untuk meningkatkan prestasi. Pengoptimuman ini menunjukkan ia boleh meningkatkan prestasi pengimbasan alur dan menghasilkan gandaan yang lebih tinggi.

#### KOMPONEN ELEKTRONIK

Antena tatasusun pantulan boleh konfigurasi semula menggunakan komponen elektronik semakin menjadi perhatian kerana ia memberikan kelajuan imbasan yang tinggi, pembungkusan yang baik dan mengurangkan saiz. Ianya mempunyai dua jenis mod peralihan fasa iaitu secara diskrit atau linear. Diod PIN dan FET boleh menyediakan imbasan secara diskrit sahaja (Iqbal et al. 2020) manakala

diod varaktor dan MEMS boleh menyediakan keduanya (Trampller dan Lovato 2020).

Perubahan secara diskrit mempunyai kelebihan kehilangan balikan yang lebih rendah, keadaan fasa yang stabil dan stuktur yang lebih ringkas. Walau bagaimanapun, teknik ini menyebabkan ralat pengkuantitian fasa yang meningkatkan cuping sisi (SLL). Tidak seperti fasa diskrit, teknik fasa perubahan secara linear dapat mengelakkan ralat pengkuantitian fasa tetapi cabarannya adalah untuk mengawal nilai bekalan voltan (Trampller dan Lovato 2020).

Han et al. (2019) hanya menggunakan satu PIN diod sebagai penganjak fasa tetapi mencapai imbasan alur yang tinggi sehingga  $\pm 50^\circ$ . Permukaan selektif frekuensi (FSS) pula mula diaplikasikan dalam antena tatasusun pantulan oleh Tahseen et al. (2019) dengan lapisan atas terdiri daripada elemen pemantul segi empat tepat dan satu lagi


